

03 JUL 2003

Agong-Amerika/EMBARGO/0001/4 JULAI/I

AGONG DAN DR MAHATHIR KIRIM PERUTUSAN TAHNIAH KPD AMERIKA SYARIKAT

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Presiden George W. Bush sempena hari Kebangsaan Amerika Syarikat ke-227.

Dalam perutusan itu, Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong mengucapkan tahniah dan mengharapkan penduduk negara itu hidup aman dan makmur serta dikurniakan kesihatan yang baik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menghantar perutusan serupa kepada Bush, mengharapkan presiden dan rakyat negara itu hidup aman damai dan makmur pada tahun-tahun akan datang.

"Saya yakin ekonomi Amerika yang sihat dan pesat akan membantu meningkatkan kemakmuran global," kata Dr Mahathir dalam mesej perutusannya.

Dr Mahathir berkata beliau gembira dapat bertemu presiden Amerika Syarikat itu pada Sidang Kemuncak G-8 di Evian, Perancis dan berharap "anda dan negara G-8 yang lain memberi perhatian sewajarnya terhadap masalah dan kehendak negara membangun yang berusaha memajukan negara mereka."

Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana wujud kerjasama yang berterusan antara kedua-dua negara dalam pelbagai bidang, termasuk menangani keganasan antarabangsa.

"Hubungan penduduk terus kukuh dan penuntut Malaysia terus diterima belajar di institusi pendidikan tinggi di Amerika Syarikat. Ini baik untuk meningkatkan lagi hubungan kita pada masa depan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga yakin dengan komitmen dan persefahaman kedua-dua pihak, hubungan dua hala akan terus diperkukuhkan pada masa depan.

Sementara itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam perutusannya kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin L. Powell, berkata beliau yakin hubungan mesra yang terjalin antara kedua-dua negara yang memberi manfaat bersama, akan terus ditingkatkan pada masa depan.

"Saya berharap dapat bekerja rapat dengan anda untruk terus memperkukuhkan hubungan pada masa depan, katanya.

-- BERNAMA

SR AHH LAT